


Siri No.



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA


SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1996

**PELARASAN SARAAN ANGGOTA
SISTEM SARAAN BARU 1995
(KHAS UNTUK PENYANDANG)**

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

KANDUNGAN

<i>Bil.</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka Surat</i>
1.	TUJUAN	1
2.	TAFSIRAN	1
3.	PELAKSANAAN	2
	Pelarasan Gaji	2
	Elaun dan Kemudahan	4
	Faedah Persaraan	4
	Pembayaran Tunggakan	4
	Garis Panduan	5
4.	TARIKH KUATKUASA	6
5.	PEMAKAIAN	6
6.	PEMBATALAN	6
7.	SENARAI LAMPIRAN	
	Lampiran A - Jadual Gaji Baru Bagi Anggota Yang Boleh Ditampung	7
	Lampiran B - Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang Bagi Anggota Yang Tidak Boleh Ditampung	171
	Indeks Mengikut Klasifikasi Perkhidmatan Gred Gaji Dan Agensi	213



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1996

PELARASAN SARAAN ANGGOTA SISTEM SARAAN BARU 1995
(KHAS UNTUK PENYANDANG)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan perenggan 11 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 bagi anggota perkhidmatan awam Persekutuan Sistem Saraan Baru (SSB) yang sekarang berada di Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang.

TAFSIRAN

2. Dalam Surat Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah berikut mempunyai erti seperti di bawah ini-

"Gaji Baru" ertinya Matagaji Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995;

"Gaji Sekarang" ertinya Matagaji Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember 1994;

"Jadual Gaji Baru" ertinya tanggagaji matriks yang berkuatkuasa dalam Sistem Saraan Baru mulai 1 Januari 1995;

"Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang" ertinya Jadual Gaji yang diterima oleh seseorang anggota yang berlainan daripada Jadual Gaji bagi skim perkhidmatannya atau tidak dapat ditampung oleh Jadual Gaji skimnya;

"Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang" ertinya Jadual Gaji yang diterima oleh seseorang anggota yang berlainan daripada Jadual Gaji bagi skim perkhidmatannya atau tidak dapat ditampung oleh Jadual Gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991. Jadual Gaji ini berkuatkuasa sehingga 31 Disember 1994;

"Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang" ertinya Jadual Gaji yang diterima oleh seseorang anggota yang berlainan daripada Jadual Gaji bagi skim perkhidmatannya atau tidak dapat ditampung oleh Jadual Gaji Baru di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996. Jadual Gaji ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995;

"Matagaji" ertinya jumlah gaji tertentu yang terletak di sesuatu Jadual Gaji;

"Matagaji Baru" ertinya Matagaji dalam Jadual Gaji Baru;

"Pelarasan Gaji" ertinya perubahan gaji berikutan daripada pemberian peningkatan gaji berasaskan kadar yang telah ditetapkan; dan

"Pelarasan Saraan" merangkumi Pelarasan Gaji dan sesuatu perubahan terhadap eiaun, imbuhan, kemudahan dan faedah persaraan.

PELAKSANAAN

Pelarasan Gaji

3. Keputusan telah dibuat supaya anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang diberi Pelarasan Gaji sepertimana yang diterima oleh anggota perkhidmatan awam Persekutuan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 (P.P. Bil. 2/96) mulai 1 Januari 1995.

4. Pelarasan Gaji bagi anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang **tidak diberi** kepada-

4.1 anggota yang masih kekal berkhidmat mengikut skim perkhidmatan **Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976**;

4.2 anggota yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman **dibuang kerja** yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1995 sehingga 16 April 1996; atau

4.3 anggota yang **bersara** sebelum atau pada 1 Januari 1995.

5. Pelarasan Gaji hendaklah diberi kepada anggota **tetap** yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang yang masih berkhidmat **mengikut skim perkhidmatan atau gred gaji SSB** pada atau selepas 1 Januari 1995.

6. Di samping itu, Pelarasan Gaji hendaklah diberi kepada anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang dan berkhidmat pada atau selepas 1 Januari 1995 dan berada dalam keadaan seperti berikut-

6.1 anggota yang **dipinjam** atau **ditukar sementara** ke agensi Kerajaan;

6.2 anggota yang **dipinjam** ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta;

6.3 anggota dalam **cuti bergaji penuh**;

6.4 anggota dalam **cuti separuh gaji**; atau

6.5 anggota dalam **cuti tanpa gaji**.

7. Dalam proses Pelarasan Gaji bagi anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang ini, sebarang **hukuman** yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum 16 April 1996, yang melibatkan gaji anggota, iaitu denda, lucuthak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji atau turun pangkat hendaklah dilaksanakan sepenuhnya. Sebagai contoh, jika pergerakan gaji anggota ditangguhkan sebagai hukuman, maka setelah gajinya dipindahkan kepada Jadual Gaji Baru atau Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang pergerakan gajinya dalam Jadual Gaji Baru atau Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang hendaklah ditangguhkan juga sehingga hukuman itu disempurnakan.

8. Anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang dan **meninggal dunia** pada atau selepas 1 Januari 1995 hendaklah diberi Pelarasan Gaji. Ketua Jabatan terakhir di mana anggota ditempatkan hendaklah bertanggungjawab terhadap pembayaran tunggakan.

9. Bagi anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang dan gajinya **dapat ditampung** oleh Jadual Gaji Baru dalam P.P. Bil. 2/96, pemindahan gaji hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan **Lampiran A**. Dengan pemindahan gaji ini, anggota yang berkenaan sekarang tidak lagi berada di Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang.

10. Bagi anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang dan gajinya **tidak dapat ditampung** oleh Jadual Gaji Baru dalam P.P. Bil. 2/96, pemindahan gaji hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan **Lampiran B**. Dengan pemindahan ini, anggota yang berkenaan sekarang berada di **Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang**.

Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang ini **tidak boleh** dipakai untuk lantikan, kenaikan pangkat, pinjaman atau pertukaran sementara.

11. **Prinsip pemindahan gaji** anggota yang berada di perenggan 9 dan 10 adalah jumlah Gaji Sekarang dipindahkan kepada Matagaji yang sama atau lebih tinggi berhampiran di Jadual Gaji Baru atau Jadual Gaji Baru Khas Untuk Penyandang dengan Peringkat gajinya dikekalkan. Jumlah gaji sekarang ialah Gaji Sekarang yang ditambah dengan kadar peningkatan gaji mengikut Kumpulan Perkhidmatan.

12. Peraturan berhubung tarikh pergerakan gaji mengikut kedudukan gaji anggota pada 1 Januari 1995 hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam P.P. Bil. 2/96.

13. Jika **tarikh pergerakan gaji** anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang ialah **1 Januari 1995**, anggota berkenaan hendaklah diberi pemindahan sebelum diberi pergerakan gaji kepada Matagaji Baru pada 1 Januari 1995.

14. Jika **tarikh kenaikan pangkat** anggota yang berada di Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyandang ialah **1 Januari 1995**, gajinya hendaklah ditetapkan dalam gred kenaikan pangkat Gaji Sekarang terlebih dahulu dan dipindahkan kepada Matagaji Baru dalam gred kenaikan pangkat Gaji Baru.

Elaun Dan Kemudahan

15. Dengan Pelarasan Gaji di bawah Surat Pekeliling ini, kaedah serta kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah sepertimana yang ditetapkan dalam P. P. Bil. 2/96, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996 dan surat edaran JPA(S)2760/10 Klt.6/(28) bertarikh 7 Ogos 1996.

Faedah Persaraan

16. Perkiraan ganjaran telah **diubah** mengikut formula baru, iaitu-

$7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan} \times \text{gaji akhir yang diterima.}$

17. Formula yang sama juga digunakan bagi perkiraan ganjaran terbitan.

Pembayaran Tunggakan

18. Tunggakan Pelarasan Saraan hendaklah dibayar oleh Ketua Jabatan di mana anggota ditempatkan pada tarikh Surat Pekeliling ini.

19. Pelarasan Gaji bagi anggota yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan hendaklah mengikut gaji pinjaman atau pertukaran sementara. Gaji hakiki anggota berkenaan hendaklah diselaras secara isyarat. Ketua Jabatan berkenaan hendaklah menguruskan pembayaran tunggakan bagi Pelarasan Saraan tersebut.

20. Gaji bagi anggota yang dipinjam ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta hendaklah diselaraskan secara isyarat atas gaji hakikinya.

21. Pembayaran tunggakan saraan bagi anggota dalam cuti separuh gaji hendaklah berasaskan separuh gaji.

22. Anggota yang bercuti tanpa gaji tidak layak dibayar tunggakan Pelarasan Gaji bagi tempoh cuti tanpa gaji tersebut.

23. Anggota yang terlibat dengan-

23.1 urusan **penswastaan** hendaklah diberi Pelarasan Saraan sehingga tarikh akhir anggota berkhidmat dengan Kerajaan; dan

23.2 urusan **pengasingan** saraan hendaklah diberi Pelarasan Saraan selama mana anggota berkenaan berada dalam SSB, sebelum tarikh pengasingan tersebut.

Kerajaan akan membayar tunggakan bagi anggota yang terlibat dengan urusan penswastaan atau pengasingan saraan.

24. Pelarasan Saraan bagi anggota yang **meninggalkan perkhidmatan** hendaklah diberi sehingga tarikh akhir anggota berkhidmat dengan Kerajaan. Tunggakan tersebut hendaklah dibayar oleh Ketua Jabatan terakhir di mana anggota ditempatkan.

25. Tunggakan Pelarasan Saraan hendaklah **ditolak** amaun pembayaran pendahuluan Pelarasan Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1996.

Garis Panduan

26. Garis Panduan yang telah diedarkan semasa pelaksanaan P.P. Bil. 2/96 hendaklah digunapakai bersama **Lampiran A** dan **B** kepada Surat Pekeliling ini.

TARIKH KUATKUASA

27. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995.

PEMAKAIAN

28. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

29. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Jadual Gaji Sekarang Khas Untuk Penyanggah dalam mana-mana surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah **dibatalkan**.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATUK WIRA HJ. MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

5 Disember 1996

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan